

Pelaksanaan dasar

berkesan

Pelajar tekun ikuti kokurikulum bagi penuhi syarat masuk IPTA

B.H. 04/09/08 MS 14

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

PELAKSANAAN dasar markah 10 peratus kokurikulum bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berjaya mengembalikan kesungguhan pembabit pelajar dalam kegiatan itu, sekali gus meningkatkan pengurusan sekolah dalam bidang berkenaan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, Kementerian Pelajaran, Dr Zuber Hassan, berkata selain peningkatan pembabit pelajar dalam kegiatan berkenaan, kebanyakan sekolah membuat rombakan pengurusan sistem rekod dan laporan kokurikulum

bagi memastikan catatan terperinci pencapaian setiap pelajar dalam bidang itu.

“Kebanyakan sekolah kini lebih komited dalam pengurusan kegiatan kokurikulum pelajar dengan memastikan setiap kegiatan diceburi mereka direkod dan dinilai secara sistematik bagi melancarkan permohonan ke IPTA.

“Adanya rekod ini membolehkan guru melaporkan pencapaian pelajar dalam bidang itu kepada ibu bapa, sekali gus meningkatkan minat dan kesedaran mereka untuk mengambil tahu mengenai pembabit anak dalam kegiatan kokurikulum di sekolah,” katanya ketika mengulas pencapaian dan perkemba-



Kebanyakan sekolah kini lebih komited dalam pengurusan kegiatan kokurikulum pelajar dengan memastikan setiap kegiatan diceburi direkod dan dinilai secara sistematik bagi melancarkan permohonan pelajar ke IPTA”

Dr Zuber Hassan

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, Kementerian Pelajaran

ngan terkini pelaksanaan kokurikulum di sekolah, di Cyberjaya, baru-baru ini.

Zuber berkata, antara perkembangan terbaru dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum ialah memperluas peluang murid terabit dalam kegiatan ber-
taraf antarabangsa.

Katanya, antara pendekatan yang digunakan adalah sama ada murid

terbabit dalam kegiatan yang dianjurkan di luar negara atau Kementerian Pelajaran menganjurkan kegiatan dengan menjemput penyertaan dari luar serta mewujudkan aktiviti rangkaian sekolah.

“Kegiatan kokurikulum antarabangsa termasuk pertandingan, festival, perkhemahan dan homestay. Program rangkaian seko-

lah pula membuka ruang kegiatan antarabangsa berasaskan sekolah dilaksanakan negara seperti Singapura, Brunei, Indonesia, Vietnam, Thailand, Jepun, United Kingdom serta India,” katanya.

Mengenai aktiviti terbaru diperkenalkan di sekolah, beliau berkata, bengkel mengikut zon diwujudkan bagi memangkin minat pelajar dalam reka cipta kereta Formula One.

“Kemudahan yang disediakan termasuk perisian reka bentuk kereta serta mesin berkaitan. Kemuncak kegiatan ini adalah penyertaan dalam pertandingan peringkat antarabangsa,” katanya.

Zuber berkata, sukan sepak takraw dan memanah

pula akan dibangunkan di bawah program Sukan Teras Prestasi Tinggi bagi memberi dimensi baru dalam pelaksanaan program berkenaan.

Dalam usaha menyemarakkan impak pelaksanaan kokurikulum di sekolah, pihaknya juga akan mencadangkan pemakaian pakaian seragam pasukan beruniform atau persatuan pada setiap Rabu, selain meminta sekolah menganjurkan perhimpunan kokurikulum pada minggu ketiga setiap bulan.

“Kegiatan perhimpunan ini akan dikendalikan sepenuhnya pelajar termasuk ucapan, bacaan doa, pengumuman serta penyampaian hadiah atau anugerah,” katanya.